

Sime Darby Property Rangkul Tiga Anugerah di BMSPA 2024 Untuk Komitmennya Terhadap Kelestarian

- Syarikat memenangi anugerah Perak dalam kategori Reka Bentuk Landskap, *Special Mention* dalam kategori Bawah 10 Tahun: Pengkhususan dan anugerah Gangsa dalam kategori Bawah 10 Tahun: Runcit;
- Anugerah tersebut mengiktiraf projek hartanah di Malaysia yang direka bentuk, dibina dan diselenggara secara mampan.

ARA DAMANSARA, 16 JULAI 2024 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") meraih tiga kemenangan di *The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2024* ("BMSPA 2024"), yang menonjolkan komitmen Syarikat terhadap kemampuan dan kecemerlangan.

Dianjurkan setiap tahun oleh The Edge Malaysia, BMSPA, yang kini memasuki edisi kelapan pengajuannya, meraikan amalan pengurusan hartanah Malaysia mengikut piawaian terbaik di peringkat global. Anugerah tersebut telah meningkatkan tahap piawaian bagi industri secara konsisten, dengan menekankan keperluan untuk hartanah di Malaysia direka bentuk, dibina dan diselenggara secara mampan.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata bahawa anugerah ini membuktikan komitmen berterusan Syarikat untuk membangunkan komuniti lestari selaras dengan Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, ".

"Sime Darby Property komited terhadap inovasi dan sentiasa peka akan trend industri terkini di samping turut meningkatkan pembangunan mampan. Kami berhasrat untuk mewujudkan persekitaran hidup yang inklusif di mana manusia dan alam semula jadi hidup secara harmoni. Dengan matlamat jangka panjang ini, kami akan terus berusaha untuk menambah baik kehidupan yang lestari, seimbang dengan alam semula jadi," tambahnya.

KL East Park (Fasa 1) Sime Darby Property memenangi anugerah Perak untuk *The Edge Malaysia - ILAM Sustainable Landscape Awards 2024* dalam kategori Reka Bentuk Landskap. Anugerah ini menggariskan usaha Syarikat dalam memelihara ruang hijau yang meningkatkan biodiversiti dan menyediakan persekitaran yang harmoni untuk komunitinya.

Pusat beli-belah pertama milik penuh Sime Darby Property iaitu KL East Mall ("KLEM"), yang juga terletak di perbandaran KL East, telah memenangi anugerah Gangsa dalam kategori Bawah 10 Tahun: Runcit. Pelbagai usaha sedang dijalankan untuk melaksanakan amalan bangunan hijau yang meningkatkan kemampuan dan mengurangkan jejak karbon.

PARC @ Taman Subang Ria telah diiktiraf dalam kategori Bawah 10 Tahun: Pengkhususan, dengan *Special Mention* yang mengiktiraf sumbangan Sime Darby Property dalam mewujudkan ruang yang ceria dan dinamik. Dibuka kepada orang ramai pada tahun lepas, PARC telah direka

bentuk sebagai model pusat komuniti untuk memperkasa komuniti sekelilingnya dan menyokong kehidupan yang lestari.

Dato' Azmir menambah: "Terima kasih kepada panel hakim yang dihormati kerana mengiktiraf pencapaian kami serta mengesahkan usaha kami. Objektif kami adalah untuk memperkasakan pembangunan mampan dengan memastikan bahawa projek kami memberi impak positif kepada alam sekitar dan meningkatkan kesejahteraan komuniti kami."

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampunan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk menghadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2023, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju hartanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com